

11 JAN 2003

Dakwaan-Tutup

EPISOD PERTIKAI KEPIMPINAN UMNO NEGERI DITUTUP, KATA MUSA

KOTA KINABALU, 11 Jan (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman berkata parti itu telah menutup isu bersabit kenyataan bahawa terdapat pihak tertentu di negeri itu yang cuba memperkecilkan kepimpinannya.

Menyifatkan perkara itu sebagai bukan satu isu, beliau menegaskan bahawa Umno Sabah tetap kuat dan bersatu.

"Kita mengira isu itu sudah ditutup...ia tidak wujud lagi. Kita tidak buang masa untuk perkara kecil seperti ini kerana ada perkara lebih besar yang harus kita hadapi seperti usaha menambah ahli dan persediaan menghadapi pilihan raya," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Umno negeri, di sini hari ini.

Isu itu timbul apabila Ketua Pemuda Umno Sabah, Tawfiq Abu Bakar Titingan membuat kenyataan bahawa terdapat kumpulan dari dalam dan luar Umno di negeri itu yang mempertikaikan kepimpinan Musa.

Pergerakan Pemuda itu kemudian menjelaskan bahawa kenyataan itu hanya bersifat andaian dan tidak ditujukan khusus kepada mana-mana kumpulan.

Sebaliknya, Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah berkata, Umno sedang memperkuat kedudukannya di Sabah dengan jumlah keanggotaan kini berjumlah 413,000 orang dan 324,000 daripadanya sudah berdaftar sebagai pengundi.

Mengenai perkara yang dibincangkan hari ini, beliau berkata mereka memperhalusi tentang persediaan upacara pecah tanah bagi pembinaan bangunan parti itu yang berharga RM35 juta, yang akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno, bulan depan.

"Saya juga telah meminta ketua bahagian, anggota dewan undangan negeri dan anggota parlimen agar turun ke peringkat bawah untuk membantu menyelesaikan masalah rakyat," katanya.

Mereka juga perlu mengadakan pilihan raya percubaan bagi memastikan jentera parti bersedia menghadapi kemungkinan Dewan Undangan Negeri dibubarkan pada bila-bila masa.

"Penggalaan akan berakhir pada April tahun depan. Pilihan raya boleh diadakan pada bila-bila masa dari sekarang, jadi lebih baik kita bersedia... Umno sentiasa membuat persediaan seolah-olah pilihan raya akan diadakan esok," katanya.

-- BERNAMA

JS HM